



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM

SIARAN MEDIA

LAWATAN YB MENTERI NRECC KE PROJEK MENAIKTARAF SISTEM SALIRAN DI TAMAN MELAWIS, DAERAH KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN

Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), YB Nik Nazmi Nik Ahmad telah membuat lawatan kerja ke Projek Menaiktaraf Sistem Saliran Taman Melawis Daerah Klang, Selangor.

Lawatan ini adalah tanda prihatin dan sokongan NRECC terhadap komitmen kerajaan Negeri Selangor memperuntukkan sebanyak hampir RM17juta di bawah Peruntukan Akaun Amanah Caruman Parit bagi menyelesaikan masalah banjir di kawasan ini. Projek di bawah seliaan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor ini telah dimulakan pada 6 April 2022 dan dijangka siap pada 6 April 2024.

Pelaksanaan projek ini akan menyelesaikan masalah sistem saliran sedia ada yang tidak dapat menampung jumlah air hujan lebat terutama jika berlaku fenomena air pasang. Ini memandangkan keadaan topografi Taman Melawis yang rendah menjadikannya tumpuan air larian hujan.

Skop projek melibatkan kerja menaik taraf sistem saliran di Taman Melawis dan Jalan Tepi Sungai, substesen TNB, rumah pam, *pump sump* serta pemasangan sistem pam baharu dan pembinaan bangunan kuarters. Selain itu projek turut melibatkan kerja-kerja *microtunneling* di bawah jajaran landasan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), pengubahsuaian laluan jejantas pejalan kaki serta pengurusan keselamatan, alam sekitar dan laluan trafik dan kerja-kerja berkaitan yang berkaitan.

Melalui pelaksanaan projek ini, seluas 15.9 hektar kawasan banjir dapat dikurangkan terutamanya kawasan perumahan melibatkan hampir 500 buah rumah, premis perniagaan dan lain-lain.

NRECC akan terus bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Selangor dalam memastikan impak banjir di negeri ini dapat dikurangkan.

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM
(NRECC)
13 JUN 2023**

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia